

16 MAY 2003

Mahathir-Umno

UMNO SABAH DIHARAP DAPAT MENYUMBANG KEMENANGAN BN

KOTA KINABALU, 16 Mei (Bernama) -- Umno pusat menaruh harapan besar kepada Umno Sabah untuk beraksi cemerlang bagi memastikan kemenangan Barisan Nasional dalam pilihan raya akan datang, kata Presiden parti Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Umno Sabah yang mempunyai keanggotaan kedua terbesar di negara ini seramai 416,674 orang di belakang Umno Johor, mempunyai pengaruh yang kuat di Sabah walaupun penubuhannya hanya berusia 12 tahun, kata Perdana Menteri pada majlis pecah tanah Bangunan Umno Sabah di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kekuatan pengaruh Umno yang menerajui BN di Sabah telah menarik perhatian parti-parti lain di negeri ini untuk menyertai komponen parti memerintah.

"Demikianlah pengaruh Umno di Sabah dan sudah tentu Umno (Sabah) menyumbang kepada kekuatan Umno di seluruh Malaysia. Sumbangannya amat besar kerana kita dapati di Sabah ini Umno sering memenangi semua kerusi yang ditandingi.

"Tidaklah keterlaluan kalau saya katakan bahawa Umno menaruh harapan yang besar kepada Umno negeri Sabah dalam pilihan raya akan datang," katanya.

Di majlis itu, Dr Mahathir mengimbas kembali sejarah penubuhan Umno yang bertujuan mempertahankan hak orang Melayu yang terancam dengan penubuhan Malayan Union dan perjuangan Umno dengan kaum-kaum lain bagi menuntut kemerdekaan Tanah Melayu dari British.

Walaupun berjaya dalam mempertahankan Tanah Melayu dari dijajah melalui Malayan Union, Umno tidak tamak dan ingin membolot semua kuasa tetapi ia sanggup bekerja sama dan berkongsi dengan kaum-kaum lain di Malaysia sehinggalah Malaysia berjaya dan dikenali sebagai sebuah negara membangun yang termaju di dunia pada hari ini, katanya.

Dr Mahathir berkata Umno juga tidak pernah bertanding untuk merebut lebih daripada 50 peratus kerusi-kerusi yang dipertandingkan dalam pilihanraya umum.

"Kalaupun Umno menang ianya tidak mungkin mendirikan kerajaan tersendiri,"katanya.

Beliau berkata Umno tidak ingin berbuat demikian dan lebih rela bekerja sama dengan kaum-kaum lain supaya kepentingan mereka tidak diabaikan.

Dr Mahathir berkata: "Kalaupun dia menang semua kerusi masih juga berkurangan dan (Umno) bergantung pada parti-parti komponen yang lain bekerjasama menubuhkan kerajaan BN."

Dengan kerjasama di antara parti komponen BN, sebuah kerajaan yang berwibawa dengan majoriti dua pertiga yang dapat mentadbir negara dengan baik dapat ditubuhkan selain daripada menentukan semua kaum diwakili dalam kerajaan BN, katanya.

Beliau berkata kerajaan pimpinan Umno adalah adil kepada semua pihak, tidak zalim walaupun ada pihak yang berkata bahawa kononnya negara ini dipimpin oleh seorang diktator yang ditakuti rakyat.

Pada sidang akhbar di Terminal Dua Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu sebelum berlepas pulang ke ibu negara, Pengerusi BN itu berata pilihan raya umum akan diadakan apabila tiba masanya.

Ketika menjawab soalan sama ada pilihan raya umum lebih baik diadakan serentak dengan pilihan raya negeri Sabah, Dr Mahathir berkata: "setiap idea ada baik dan buruknya, kita perlu menimbangkannya".

Semasa diminta mengulas ucapannya sebelum itu mengenai pentingnya ada

sokongan antara satu sama lain dalam pilihan raya, Dr Mahathir berkata adalah perlu untuk saling memberi sokongan.

"Anda tidak boleh mengharapkan orang menyokong anda tetapi bila anda tidak terpilih, anda merajuk, kecewa dan oleh itu anda tidak mahu menyokong calon itu," katanya.

Sabah perlu mengadakan pilihan raya negeri ke-10 selewat-lewatnya 12 April tahun lepas sementara pilihan raya umum menjelang November 2004.

Sementara itu, Pengerusi Badan Perhubungan Umno Negeri dan Ketua Menteri Sabah Datuk Musa Aman berkata pembinaan bangunan sendiri Umno merupakan lambang terima kasih kepada perjuangan dan khidmat bakti Dr Mahathir dalam membawa Umno ke Sabah.

Musa berkata:"Ia juga adalah lambang kepada keazaman dan tekad kami untuk memelihara dan menyuburkan apa yang telah Datuk Seri (Dr Mahathir) semaikan. Bangunan ini adalah manifestasi keazaman kami untuk memastikan Umno akan kukuh di negeri Sabah."

Bangunan Umno Sabah setinggi 10 tingkat dengan kos pembinaan dianggarkan pada RM35 juta itu didirikan di atas tapak seluas 0.48 hektar di Karamuning di sini.

-- BERNAMA

MK JS RON